

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JUN 2025

AKHBAR : MINGGUAN
MALAYSIA

MUKA : 3
SURAT

Draf akhir RMK-13 tidak dibuat tergesa-gesa

Draf akhir RMK-13 tidak dibuat tergesa-gesa

KUALA LUMPUR: Penyediaan draf akhir Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) tidak dilakukan secara tergesa-gesa sebaliknya telah melalui perbincangan dan penelitian melibatkan pelbagai kementerian sejak beberapa minggu lalu.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil berkata, proses semakan dan penyelarasan draf RMK-13 bermula seawal dua minggu lalu selepas arahan diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada semua kementerian untuk meneliti draf awal yang dibentangkan oleh Kementerian Ekonomi.

Katanya, arahan itu dikeluarkan jauh lebih awal sebelum sebarang kenyataan dibuat berkaitan perkara berkenaan.

"Perdana Menteri telah mengarahkan semua kementerian



Perdana Menteri telah mengarahkan semua kementerian supaya meneliti draf RMK-13 yang dibentangkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi kira-kira dua minggu lalu iaitu pada hari Rabu."

supaya meneliti draf RMK-13 yang dibentangkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi kira-kira dua minggu lalu iaitu pada Rabu.

"Seterusnya pada Jumaat minggu berikutnya, semua kementerian diminta menghantar maklum balas bertulis kepada Kementerian Ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Nadi Aspirasi Nasional Bersama Anak Muda (NANBA) anjuran Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) di IWK Eco Park @ Pantai Dalam, semalam.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, satu sidang khas Jemaah Menteri turut diadakan pada awal minggu lalu bagi meneliti maklum balas kementerian-kementerian se-

belum keputusan dimuktamadkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri terakhir, Rabu lalu.

Katanya, hasil perbincangan itu menunjukkan pelbagai cadangan dan pandangan daripada kementerian yang perlu diambil kira dalam penyediaan dokumen akhir RMK13.

"Ini termasuklah permintaan dan penyesuaian yang dikemukakan oleh beberapa kementerian yang memerlukan pertimbangan lanjut daripada Kementerian Ekonomi.

"Atas dasar itu, Jemaah Menteri bersetuju supaya Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah diberi tanggungjawab menggalas tugas dan fungsi Menteri Ekonomi bagi memuktamadkan draf akhir RMK13 sebelum ia diletakkan dan dibentangkan di Parlimen," katanya.



Scanned with CamScanner